

DR. 44/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
1991

SUSUNAN BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LEMBAGA PENGALAKAN
PELANCONGAN MALAYSIA

3. Penubuhan Lembaga.
4. Fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Lembaga.
5. Keanggotaan Lembaga.
6. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
7. Pengkhidmat awam.
8. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.
9. Laporan dan maklumat.

BAHAGIAN III

KETUA PENGARAH, TIMBALAN KETUA PENGARAH,
PENGARAH DAN PEGAWAI SERTA PENGKHIDMAT LAIN

10. Perlantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan pegawai serta pengkhidmat lain.
11. Hilang kelayakan untuk dilantik.
12. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan.
13. Peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Fasal

14. Kumpulan Wang.
15. Pemeliharaan Kumpulan Wang.
16. Perbelanjaan yang hendak dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.
17. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
18. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA LAIN LEMBAGA

19. Perwakilan oleh Lembaga.
20. Kuasa meminjam.
21. Pelaburan.
22. Kuasa untuk mengambil kerja.

BAHAGIAN VI

AM

23. Obligasi menyimpan rahsia.
24. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

BAHAGIAN VII

**PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN
PERALIHAN**

25. Pemansuhan.
26. Penerusan anggota-anggota Lembaga Pengurusan dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmat.
27. Pemindahan kumpulan wang, aset, harta, hak, liabiliti dan obligasi.
28. Pentafsiran.
29. Penerusan undang-undang, dsb.
30. Kontrak-kontrak sedia ada.
31. Penerusan prosiding jenayah dan sivil.
32. Menghalang anomali.

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

□

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1991. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Akta termansuh" ertinya Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972 dan termasuk mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; Akta 72.

"hari ditetapkan" ertinya hari yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 1;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 10;

"Kumpulan Wang" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 14;

"Lembaga" ertinya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan;

"Pengarah" ertinya Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 10;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

Akta "pengusahaan pelancongan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Industri Pelancongan 1991;

"Perbadanan" ertinya Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972;

"Pesuruhjaya Pelancongan" ertinya Pesuruhjaya Pelancongan yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Industri Pelancongan 1991;

"Timbalan Ketua Pengarah" ertinya Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 10;

"Timbalan Pengerusi" ertinya Timbalan Pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 5.

(2) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai "Akta ini" hendaklah, melainkan jika disebutkan dengan nyata selainnya, disifatkan sebagai termasuk sebutan mengenai mana-mana peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini.

BAHAGIAN II

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadai-kan, raenggadai-janji, mendemis, menyerahhkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak pada Lembaga, mengikut apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

Penubuhan
Lembaga.

4. (1) Fungsi-fungsi Lembaga ialah —

- (a) menggiatkan dan menggalakkan pelancongan ke dan dalam Malaysia;
- (b) merangsangkan, memajukan dan memasarkan, di arena antarabangsa dan tempatan, negara Malaysia sebagai tempat tujuan pelancong;
- (c) menyelaraskan apa-apa aktiviti pemasaran atau penggalakan berhubung dengan pelancongan yang dijalankan oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan; dan
- (d) membuat syor-syor kepada Menteri tentang cara-cara, langkah-langkah dan program-program yang hendak diterimapakai bagi memudahkan dan menggiatkan kemajuan dan penggalakan industri pelancongan di Malaysia

Fungsi-Fungsi
dan kuasa-
kuasa
Lembaga.

dan jika dibenarkan oleh Menteri, melaksanakan atau membantu dalam pelaksanaan cara-cara, langkah-langkah dan program-program berkenaan.

(2) Lembaga adalah berkuasa melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas—

- (a) menjalankan segala aktiviti yang berhubungan dengan pelancongan yang bersifat komersil atau perindustrian dan aktiviti penyelidikan dan latihan, yang penjalanannya didapati oleh Lembaga adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
- (b) bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen, atau bertindak dengan apa-apa cara lain bersama dengan atau bagi pihak mana-mana agensi atau organisasi, sama ada antarabangsa atau selainnya;
- (c) mendapatkan publisiti tempatan dan luar negeri bagi memajukan Malaysia sebagai tempat tujuan pelancong;
- (d) menggalakkan dan menyelaraskan penjalanan apa-apa aktiviti yang berkaitan atau berhubungan dengan fungsi-fungsinya oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan;
- (e) menjalankan penyelidikan, kajian dan siasatan yang perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
- (f) menghendaki mana-mana jabatan kerajaan, agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan untuk mengemukakan maklumat,

program dan laporan mengenai aktiviti-aktiviti penggalakan dan pemasaran pelancongan mereka;

- (g) mengambil bahagian dalam apa-apa perundingan dan perkiraan sebagaimana yang didapati perlu oleh Lembaga bagi melaksanakan fungsi-fungsinya;
- (h) membantu memajukan pengusahaan-pengusahaan pelancongan dalam Malaysia, dan dalam menyediakan atau mempertingkatkan mutu kemudahan-kemudahan dan tarikan pelancong dalam Malaysia;
- (i) memberikan bantuan kepada mana-mana agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan yang didapati oleh Lembaga mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menjalankan mana-mana aktiviti sedemikian, termasuk, dengan kelulusan Menteri, bantuan kewangan melalui pengambilan modal syer atau pinjaman atau melalui pinjaman atau selainnya;
- (j) melupuskan aset modal dan menggunakan hasil daripada pelupusan itu sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut;
- (k) melantik ejen-ejen yang difikirkannya patut bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya;
- (l) mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana fungsi atau kuasanya;
- (m) melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkannya patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dengan berkesan; dan
- (n) menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala kewajipan yang diletakhakkan pada atau diwakilkan kepadanya di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis lain.

Keanggotaan
Lembaga.

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) Pengerusi;
- (b) Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Pengarah; dan
- (d) tidak kurang daripada enam tetapi tidak lebih daripada sepuluh anggota yang—
 - (i) sekurang-kurangnya empat hendaklah merupakan orang-orang yang berkaitan dengan apa-apa pengusahaan pelancongan tetapi tidak memegang apa-apa jawatan awam;
 - (ii) sekurang-kurangnya dua hendaklah masing-masingnya merupakan wakil Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian Kewangan; dan
 - (iii) mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri fikirkan layak dan patut untuk menjadi anggota Lembaga.

(2) Menteri hendaklah melantik Pengerusi dan Timbalan Pengerusi daripada kalangan orang-orang yang pada pendapatnya mempunyai pengalaman yang luas dalam pengusahaan pelancongan atau dalam apa-apa bidang aktiviti yang sangat berfaedah bagi kemajuan pelancongan.

(3) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya kepada Pengerusi,

(4) Peruntukan-peruntukan Jadual adalah terpakai bagi Lembaga.

Akta
Perlindungan
Pihak
Berkuasa
Awam 1948.
Akta 198.

6. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pengkhidmat

atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat sedemikian.

7. Semua anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga, semasa menunaikan kewajipan-kewajipan mereka sebagai anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pengkhidmat awam.

*N.M.B.
Bab 45.*

8. Lembaga adalah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh dari semasa ke semasa memberikan arahan-arahan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah melaksanakan segala arahan sedemikian.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.

9. (1) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa maklumat mengenai harta dan aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Laporan dan maklumat.

(2) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30 haribulan Jun setiap tahun, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Lembaga sepanjang tahun yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

BAHAGIAN III

KETUA PENGARAH, TIMBALAN KETUA PENGARAH,
PENGARAH DAN PEGAWAI SERTA PENGKhidMAT LAIN

10. (1) Menteri hendaklah melantik seseorang yang layak dan patut, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukannya, untuk menjadi Ketua Pengarah yang adalah ketua pegawai eksekutif Lembaga.

Perlantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan pegawai serta pengkhidmat lain.

(2) Lembaga hendaklah—

- (a) dengan kelulusan Menteri, melantik sekian bilangan Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah sebagaimana yang difikirkannya sesuai; dan
- (b) melantik pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi penjalanan cekap urusan Lembaga,

atas apa-apa terma dan syarat, termasuk saraan, sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Ketua Pengarah hendaklah, tertakluk kepada arahan Lembaga atas perkara-perkara dasar, dipertanggungjawabkan dengan pentadbiran dan pengurusan harian hal-ehwal Lembaga.

(4) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Pengerusi yang bertindak bagi pihak Lembaga.

(5) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa pengawalan am ke atas Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmat lain Lembaga.

(6) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, meletakkan pada Ketua Pengarah, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah apa-apa kuasa dan mempertanggungjawabkan ke atas mereka apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Ketua Pengarah, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(8) Jika Ketua Pengarah tidak ada buat sementara dalam Malaysia atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup untuk melaksanakan kewajipan-kewajibannya, Lembaga

boleh mengarahkan mana-mana Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan Ketua Pengarah dalam masa Ketua Pengarah tidak ada atau tidak berupaya buat sementara itu.

11. Tiada seorang pun layak diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Lembaga jika dia, secara langsung atau tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan, dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

Hilang kelayakan untuk dilantik.

12. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan.

13. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan-peruntukan bagi—

- (a) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau
- (b) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga sementara menanti keputusan prosiding tata tertib.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tatatertib, memberikan peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil membuat representasi sebelum keputusan diambil oleh Lembaga atas pertuduhan tatatertib terhadap orang itu.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

14. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan, bagi maksud-maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang akan ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar dari semasa ke semasa kepada Lembaga daripada pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh Lembaga;
- (c) wang yang didapati daripada penjalanan apa-apa projek, skim atau pengusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (d) wang yang didapati atau yang terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
- (f) jumlah-jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya; dan
- (g) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada, atau terletak pada, Lembaga

betkenaan dengan apa-apa perkara yang bersamplngan dengan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya,

15. Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan, menjalankan dan menunaikan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini supaya jumlah hasil Lembaga, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri, cukup untuk membayar semua wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Pemeliharaan
Kumpulan
Wang.

16. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

Perbelanjaan
yang hendak
dipertanggung-
jawabkan pada
Kumpulan
Wang.

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk fee guaman dan fee-fee. serta kos-kos lain, dan saraan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang dilantik dan diambil kerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan, pencen dan ganjaran;
- (b) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujuterima dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 4;
- (c) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera, barang-barang simpanan dan apa-apa bahan lain, memperolehi tanah dan mendirikan bangunan-bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 4;
- (d) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan

- (e) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.

17. (1) Perbelanjaan Lembaga hingga sebanyak yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri; dan Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Lembaga amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.
Akta 240.

18. Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Lembaga.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA LAIN LEMBAGA

Perwakilan oleh Lembaga.

19. Lembaga boleh, melalui suatu suratcara bertulis di bawah meterai biasanya, mewakilkan mana-mana orang atau badan apa-apa kewajipannya sebagaimana yang perlu dilaksanakan di dalam atau di luar Malaysia:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang atau badan sedemikian tidaklah mempunyai kawalan ke atas Kumpulan Wang dan hendaklah bertindak dalam segala aspek mengikut arahan Lembaga.

20. Lembaga boleh dari, semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam, atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi menjelaskan mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

Kuasa meminjam.

21. Aset Lembaga, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri.

Pelaburan.

22. Lembaga boleh mengambil kerja dan membayar ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik, termasuk peguambela dan peguamcara, jurubank, broker saham, juruukur, penilai dan orang-orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau menunaikan kewajipan-kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk mengambil kerja.

BAHAGIAN VI

AM

23. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

Obligasi menyimpan rahsia.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kuasa untuk
membuat
peraturan-
peraturan.

24. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi—

- (a) menetapkan cara bagaimana apa-apa jenis dokumen, cek dan suratcara akan ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga;
- (b) menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga;
- (c) mengenakan fee dalam hal-hal yang ditentukan oleh Lembaga;
- (d) mengadakan peruntukan pada amnya mengenai pelaksanaan fungsi-fungsi, penjalanan kuasa-kuasa dan penunaian kewajipan-kewajipan Lembaga di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan di bawah seksyen ini—

- (a) boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peruntutannya adalah menjadi suatu kesalahan; dan
- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi pengenaan penalti bagi kesalahan-kesalahan itu, dan penalti itu tidak boleh melebihi lima ribu ringgit atau satu tahun pemenjaraan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERALIHAN

Pemansuhan.
Akta 72.

25. Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972 dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya adalah dengan ini dimansuhkan.

26. (1) Anggota-anggota Lembaga Pengurusan Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta termansuh hendaklah, pada hari ditetapkan, menjadi anggota-anggota Lembaga dan adalah tertakluk kepada segala peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan anggota-anggota sedemikian dan hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah Akta ini.

Penerusan anggota-anggota Lembaga Pengurusan dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmat.

(2) Tiap-tiap orang yang sebelum sahaja hari ditetapkan telah diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Perbadanan hendaklah pada hari itu disifatkan diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Lembaga sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama yang terdapat sebelum hari ditetapkan itu.

(3) Segala prosiding tatatertib yang, sebelum sahaja hari ditetapkan, belum selesai terhadap mana-mana pegawai atau pengkhidmat Perbadanan pada atau selepas hari itu, boleh diteruskan terhadap pegawai atau pengkhidmat itu oleh pihak berkuasa Lembaga yang berkenaan.

27. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, segala wang yang berada dalam, dan kena dibayar pada, kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 8 Akta termansuh hendaklah pada hari ditetapkan dipindahkan kepada Kumpulan Wang.

Pemindahan kumpulan wang, aset, harta, hak, liabiliti dan obligasi.

(2) Segala aset, harta, hak, liabiliti dan obligasi yang sebelum sahaja hari ditetapkan adalah aset, harta, hak, liabiliti dan obligasi Perbadanan hendaklah dari hari itu diturunkan kepada Lembaga.

28. Segala sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai Perbadanan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai—

Pentafsiran.

- (a) dalam hal perkara-perkara yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran, Pesuruhjaya Pelancongan; dan
- (b) dalam mana-mana hal lain, Lembaga.

Penerusan
undang-
undang, dsb.

29. (1) Segala perintah, peraturan-peraturan, arahan, perlantikan, pemberitahuan, pengecualian dan kelulusan yang dibuat atau diberi di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, Akta termansuh hendaklah, setakat yang perintah, peraturan-peraturan, arahan, perlantikan, pemberitahuan, pengecualian dan kelulusan itu tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau Akta Industri Pelancongan 1991, disifatkan telah dibuat atau diberi di bawah Akta ini atau Akta Industri Pelancongan 1991 dan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga peruntukan-peruntukan lain dibuat di bawah Akta ini atau Akta Industri Pelancongan 1991 atau sehingga tarikh yang padanya ia habis tempoh.

(2) Apa-apa permohonan untuk lesen atau perakuan pendaftaran, kelulusan atau keizinan, atau bagi apa-apa jua pun maksud, atau apa-apa rayuan, yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Menteri atau Perbadanan sebelum hari ditetapkan, dan belum selesai sebelum hari sedemikian, hendaklah, jika terdapat peruntukan yang bersamaan di bawah Akta ini atau Akta Industri Pelancongan 1991 diuruskan seolah-olah telah dibuat di bawah peruntukan itu, dan jika tiada peruntukan bersamaan sedemikian wujud, permohonan atau rayuan itu hendaklah luput pada hari ditetapkan.

(3) Apa-apa lesen atau perakuan pendaftaran yang diberikan di bawah Akta termansuh hendaklah disifatkan sebagai lesen atau perakuan peridaftaran yang diberi di bawah Akta Industri Pelancongan 1991 dan hendaklah sah selama tempoh enam bulan dari hari ditetapkan dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut yang terpakai bagi suatu lesen atau perakuan pendaftaran atau apa-apa syarat, had atau sekatan lain yang boleh dikenakan seolah-olah ia adalah suatu lesen atau perakuan pendaftaran yang diberi di bawah Akta itu.

(4) Segala transaksi atau urusanniaga yang dibuat atau dilaksanakan dengan sah, dan segala perniagaan yang dilakukan dengan sah, di bawah atau mengikut Akta termansuh oleh mana-mana orang yang dilesenkan atau didaftarkan atau disifatkan dilesenkan atau didaftarkan

di bawah Akta Industri Pelancongan 1991, hendaklah disifatkan telah dibuat, dilaksanakan atau dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang, di bawah dan mengikut Akta Industri Pelancongan 1991, dan apa-apa hak atau liabiliti yang berbangkit daripada transaksi, urusaniaga atau perniagaan sedemikian yang wujud sebelum sahaja hari ditetapkan, hendaklah disifatkan terus sah dan menurut undang-undang di bawah Akta Industri Pelancongan 1991.

30. Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang wujud sebelum sahaja hari ditetapkan hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan penuh terhadap atau menyebelahi Lembaga dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan seberkesannya seolah-olah Lembaga, dan bukannya Perbadanan, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Perbadanan, telah dinamakan di dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

Kontrak-
kontrak
sedia ada.

31. (1) Pemansuhan Akta termansuh tidak menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa dan dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta termansuh sebelum hari ditetapkan, atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan itu.

Penerusan
prosiding
jenayah dan
sivil.

(2) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau kuasa tindakan yang belum selesai atau sedang wujud sebelum sahaja hari ditetapkan oleh atau terhadap Perbadanan bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau Pesuruhjaya Pelancongan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Perbadanan seolah-olah Akta ini atau Akta Industri Pelancongan 1991 telah tidak diluluskan.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau mana-mana kebenaran untuk merayu yang dipohonkan pada atau selepas hari ditetapkan terhadap suatu keputusan yang diberi dalam mana-mana prosiding undang-undang

sebelum hari itu boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga atau Pesuruhjaya Pelancongan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang ia boleh dibawa oleh atau terhadap Perbadanan seolah-olah Akta ini atau Akta Industri Pelancongan 1991 telah tidak diluluskan.

Menghalang
anomali.

32. (1) Jika apa-apa kesukaran timbul berkenaan dengan peruntukan-peruntukan peralihan yang disebutkan terdahulu dalam Akta ini Menteri boleh, melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian dalam peruntukan-peruntukan tersebut sebagaimana yang didapatinya perlu bagi menghalang anomali:

Dengan syarat bahawa Menteri tidaklah boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari hari ditetapkan.

(2) Dalam seksyen ini, "ubahsuaian" termasuklah pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, penubuhan, pengubahan dan ketakpakaian mana-mana peruntukan Bahagian ini.

JADUAL

(Subseksyen 5 (4))

Perlantikan,
pembatalan dan
perletakan
jawatan.

1. (1) Seorang anggota Lembaga, selain daripada Ketua Pengarah, hendaklah, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

(2) Perlantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(3) Seorang anggota, selain daripada Ketua Pengarah, boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri.

(4) Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Lembaga dan kepada Menteri mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terpakai baginya.

(5) Tiap-tiap anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu bagi menunaikan kewajipan-kewajipannya dengan berkesan.

2. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong— Pengosongan jawatan.

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 23; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tak sempurna akal atau, kerana apa-apa sebab lain, tak berupaya menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga;
- (f) sekiranya perletakan jawatannya diteriraa oleh Menteri, atau dalam hal Ketua Pengarah, oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri;
- (g) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

3. Maka hendaklah dibayar kepada anggota-anggota Lembaga apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri. Saraan.

4. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali dan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, jika Pengerusi tiada, hendaklah mempunyai kuasa untuk memanggil mesyuarat Lembaga bilamasa difikirkannya perlu. Mesyuarat.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat.

5. Lembaga boleh meminta mana-mana orang (yang bukan anggota Lembaga) menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

Meterai biasa.

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa Lembaga.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Lembaga dan segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang menghendaki dimeteraikan dengan meterai Lembaga hendaklah dimeteraikan dengan sewajarnya di hadapan dua orang anggota Lembaga yang hendaklah menandatangani tiap-tiap suratikatan, dokumen atau suratcara sedemikian yang telah dicapkan dengan meterai itu; dan tandatangan sedemikian, tanpa pengakusaksian selanjutnya, hendaklah menjadi keterangan mencukupi bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sewajarnya dan sepatutnya dan bahawa ia adalah meterai sah Lembaga.

(4) Meterai biasa Lembaga hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penzahiran kepentingan.

7. Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang ada mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Lembaga, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Minil.

8. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit segala mesyuarat Lembaga disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti

selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

9. Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

Keesahan
perbuatan dan
prosiding.

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan-peruntukan perenggan 7 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan baru yang diberi nama "Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia" yang akan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi menggalakkan dan memajukan Malaysia sebagai tempat tujuan pelancong dan menyelaraskan apa-apa aktiviti penggalakan dan pemasaran yang berhubungan dengan pelancongan yang dijalankan oleh mana-mana jabatan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan.

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa istilah yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga itu, sementara *fasal 4* memperkatakan fungsi dan kuasa Lembaga dan aktiviti-aktiviti yang boleh diusahakan olehnya. *Fasal 5* mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai keanggotaan Lembaga. *Fasal 6* dan *7* memperuntukkan bagi Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 dan Kanun Keseksaan terpakai berkenaan dengan anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga. *Fasal 8* memberi kuasa kepada Menteri memberi arahan-arahan kepada Lembaga. *Fasal 9* memperkatakan pemberian laporan dan maklumat oleh Lembaga mengenai harta dan aktivitinya kepada Menteri.

4. Bahagian III Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai Ketua Pengarah, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmat lain Lembaga. *Fasal 10* bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Ketua Pengarah dan Lembaga untuk melantik Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmatnya. *Fasal 12* dan *13* bertujuan memberi kuasa kepada Lembaga, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmatnya.

5. Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan kewangan. *Fasal 14* bertujuan menubuhkan Kumpulan Wang Lembaga. Di bawah *fasal 15*, Lembaga adalah dikehendaki untuk memelihara Kumpulan Wang mengikut cara yang dinyatakan. *Fasal 16* menyatakan maksud-maksud yang baginya Kurapulan Wang boleh dibelanjakan.

6. Bahagian V memperkatakan kuasa-kuasa lain Lembaga. Antara lain, ia bertujuan membenarkan Lembaga mewakilkan beberapa kuasa, kewajipan dan fungsinya. Ia juga bertujuan membenarkan Lembaga meminjam wang dan melaburkan aset-asetnya yang tidak dikehendaki dibelanjakan.

7. Bahagian VI membuat peruntukan bagi perkara-perkara am. *Fasal 23* melarang penzahiran apa-apa maklumat yang didapati oleh mana-mana anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga dalam perjalanan kewajipan-kewajipannya kecuali bagi maksud-maksud khusus. *Fasal 24* membolehkan Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan ini dengan lebih baik.

8. Bahagian VII adalah berhubungan dengan pemansuhan dan peruntukan-peruntukan peralihan. *Pasal 25* bertujuan untuk memansuhkan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972 sementara *fasal 26, 27, 28, 29, 30, 31* dan *32* mengandungi peruntukan-peruntukan peralihan yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan 1972 itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1606.]